

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 23 RABU 4 JUN, 1969 1389 ربيع الاول 18 PERCHUMA

8,000 UMAT ISLAM DALAM PERARAKAN MAULUD NABI

BANDAR BRUNEI.—Lebeh dari 8,000 orang umat Islam, termasuk 1,800 orang wanita dan murid2 sekolah perempuan dari 81 kumpulan di-Daerah Brunei/Muara pada hari Khamis lepas telah mengambil bahagian dalam perarakan melalui Bandar Brunei kerana menyambut Maulud Nabi Mohammad s.a.w.

Kumpulan2 itu mewakili berbagai persatuan, sekolah2, maktab2, kampung2 dan jabatan2 Kerajaan. Maktab S.O.A.S. menghantar empat pasukan mengandungi kira2 1,000 orang murid; S.M.M.P. dan S.M.J.A. kira2 1,000 orang dan Maktab Latehan Perguruan dengan pasukan-nya sa-ramai 330 orang.

Turut mengambil bahagian dalam perarakan itu ia-lah Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pasukan pencharagam-nya.

Perarakan di-mulakan sa-telah 12 das tembakan di-lepaskan.

Ia-nya di-dahului oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan ahli2 Jawatankuasa Perayaan Sambutan Maulud Nabi.

Perarakan itu melalui di-sepan-

jang Jalan Elizabeth, Jalan Sum-biling, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sekolah, Jalan Tasek, Jalan Kianggeh, Jalan Sultan, Jalan McArthur dan melalui Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin sabelum berhimpun semula di-padang besar untuk mendengarkan titah ucapan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Terdahulu sa-belum itu Baginda telah berangkat kerana memereksa pasukan perarakan.

Turut berucap ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, sementara Kadzi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin memberikan ucapan mengenai sejarah perjuangan dan pengajaran Nabi.

Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya menyampaikan sijn2 dan risalah khas Sambutan Maulud Nabi kepada kumpulan yang mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Titah Baginda sa-penoh-nya ia-lah seperti berikut:

Ahmadullilah, Beta terlebih dahulu mengucapkan shukur ka-

hadzrat Allah subahanu-wataala, seru sekalian alam dan salawat serta salam kepada junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. serta sahabat2 dan kaum keluarga baginda.

Awang2 dan Dayang2, pada hari yang mulia lagi berkat ini kita umat Islam di-seluruh Negeri Brunei bersama2 dengan hati yang jernih dan ikhlas laila jujur bersungguh2 meraikan hari ulang tahun keputeraan Nabi kita Mohammad s.a.w. dengan perasaan yang penuh kegembiraan dan shukur.

Perasaan kegembiraan dan shukur ini ia-lah kerana kita menyambut hari keputeraan Nabi kita yang membawa agama Islam yang di-redhai sa-bagai agama Allah subahanu-wataala — mudah2an perasaan ini akan mendorong kita lebeh kaseh dan sayang kepada agama dan kepada ajaran2 yang di-bawa oleh baginda Saidina Mohammad s.a.w. yang menjadi rasulullah.

Sebab pun demikian ia-lah disamping kita menyambut dan meraikan hari yang berkat ini janganlah kita lupa kepada ajaran2 yang di-sampaikan oleh junjongan kita Nabi Mohammad dan nasihat2, hadith2 yang kerana dengan perayaan saja tentu-lah tidak cukup

(LIHAT MUKA 8)

D.Y.M.M. akan merasmikan Hari Pelajar

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-jadualkan merasmikan 'Hari Pelajar' sekolah2 Melayu Bahagian Rendah bagi seluruh negeri dalam satu perhimpunan yang akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada hari Sabtu 7 Jun ini.

Sa-banyak tujuh buah sekolah yang mewakili sekolah2 di-Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian dalam perhimpunan tersebut.

Beberapa acara akan di-persembahkan pada hari itu, antaranya termasuklah tarian2 yang berchorak kebudayaan, pertunjukkan gimnastik, pertunjukkan urusan rumah tangga, pertolongan cemas dan pertunjukkan lakunan jenaka.

Pencharagam Polis Di-Raja Brunei juga akan menyumbangkan permainan mereka di-sepanjang upacara tersebut.

Orang ramai terutama ibu-bapa ada-lah di-jemput hadhir untuk menyaksikan pembukaan 'Hari Pelajar' itu.

SAMBUTAN HARI JADI AMDB YANG KE-8

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Di-Raja Brunei telah merayakan hari ulang tahun-nya yang ke-8 dengan upacara perbarisan melalui Bandar Brunei dan pertunjukan kekuatan-nya di-padang besar pada hari Sabtu lepas.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menerima tabek kehormatan dari sabuah pentas Di-Raja yang di-bena khas di-pekarangan Lapau.

Di-antara yang hadir ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang menjadi Kolonel-in-Chief Askar Melayu Di-Raja Brunei, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair, Seri Paduka Duli2 Wazir, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, dan lain2 pembesar negara.

Perayaan itu bermula dengan perbarisan melalui ibu kota de-

ngan di-iringi oleh pasukan pencharagam AMDB.

Semasa perbarisan itu, pegawai2 helikopter Askar Melayu Di-Raja itu telah terbang melalui Bandar Brunei, dan pasukan laut-nya yang pertama telah melepaskan tembakan kehormatan.

Lain2 upacara perayaan itu kemudian-nya di-adakan di-padang besar di-mana orang ramai telah di-hiborkan dengan pertunjukan mengenai berbagai2 kegiatan pasukan itu.

Ini termasuk pertunjukan oleh pasukan bersenapang, latehan, senjata2 pembantu dan pertunjukan gimnastik.

Orang ramai juga dapat melihat dari dekat peralatan pasukan itu termasuk kapal2 laut dan pesawat helikopter-nya.

Pada sa-belah malam-nya telah di-adakan Majlis Jamuan di-Berkas Kem dengan di-hadiri oleh pembesar2 negara.

(Lihat Muka 8)



D.Y.M.M. ketika menyaksikan pertunjukkan oleh pasukan laut A.M.D.B. dari tamaban Kastam Di-Raja. Di-kiri Baginda ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan Pegawai Pemerintah A.M.D.B., Lt. Col. J.J.H. Simpson sementara di-kanan Baginda ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair dan Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof.

PENGAMBILAN BUROH: ORANG2 TEMPATAN DI-BERI KEUTAMAAN

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohammad Ali bin Awang Besar berkata, Jabatan Buroh sentiasa memberikan peluang kepada anak2 negeri untuk bekerja dengan majikan2 di-negeri ini.

Akan tetapi, tegas beliau, peluang sa-rupa ini tidak disambut oleh orang2 tempatan.

Awang Mohammad Ali berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Awang Saidi bin

Dua orang lagi di-terima masok ka-Rumah Orang2 Tua

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Daerah Belait telah memasukkan dua orang lagi ka-Rumah Orang2 Tua di-Seria yang menjadikan jumlah orang2 tua di-rumah tersebut kepada 56 orang termasuk lima orang perempuan.

Majlis tersebut dalam mahuarat baru2 ini telah melaporkan dari 1 Januari hingga 16 Mei yang lalu sa-banyak \$10,790.66 telah di-belanjakan untuk menguruskan perjalanan rumah tersebut. Wang itu ada-lah dari kutipan sa-banyak \$19,633.41.

Perbelanjaan untuk menguruskan Rumah Orang2 Tua itu ia-lah kira2 \$30,000 sa-tahun. Kerajaan menyumbangkan \$10,000 dan baki-nya ada-lah hasil kutipan dari orang ramai.

Kutipan pada tahun ini di-seluruh negeri sa-masa menyambut Tahun Baru China berjumlah \$18,025.41. Jumlah tersebut ada-lah yang terbesar pernah di-kutip oleh majlis itu. Pada tahun lalu hasil kutipan hanya \$14,133.00.

Tarikh penutup lumba bernang di-lanjutkan hingga 7 Jun

BANDAR BRUNEI. — Tarikh penutup bagi memasuki peraduan lumba bernang yang di-anjarkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei di-lanjutkan hingga 7 Jun ini.

Peraduan yang di-jadualkan di-adakan di-kaloh bernang di-Berakas pada 20 Julai itu ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Sa-orang juruchakap bahagian sukan majlis tersebut berkata, peraduan itu ada-lah terbuka kepada semua persatuan2 belia dan pertubuhan2 kebajikan di-negeri ini.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian perseorangan dan berpasokan.

Bugal — wakil kawasan Kilanas yang ingin tahu tentang pengambilan buroh2 dari luar negeri dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei-Muara yang telah bersidang di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Menjawab satu soalan yang di-kemukakan oleh Awang Shamsuddin bin Lamat — wakil Kawasan Lumapas — mengenai pembenaan jalan Lumapas, Awang Mohammad Ali berkata, kerja2 membena jalan raya dan jambatan telah pun selesai.

Beliau menjelaskan bahawa sa-jumlah \$782,000 telah di-belanjakan bagi projek pembenaan jalan raya dan jambatan2 di-Lumapas.

Terdahulu dari itu majlis telah meluluskan satu usul yang dikemukakan oleh Pengiran Mohammad Samli bin Pengiran Lahab — wakil kawasan Pekan Lama — yang meminta kerajaan membena sa-buah klinik gigi di-Kampung Ayer.

Peraduan 'TARIDERA' anjoran PERANGKAP

BERAKAS. — Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas — PERANGKAP — menganjorkan satu peraduan yang di-beri nama 'TARIDERA' atau kesah dalam tari yang berjudul 'KESAH PUTERI LELA MENCHANAI'.

Peraduan itu akan di-adakan di-Dewan Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada 4 Jun mulai jam 8.00 malam.

Gambar menunjukkan empat orang Filipina itu bergambar bersama2 dengan Awang E.W. Bird, Awang Abidin (No. 3 dan 4 dari kiri) dan Awang Md. Yassin Said dari Jabatan Kebajikan (di-kanan sekali) sa-jurus sa-belum berlepas dari lapangan terbang Berakas.

Semua persatuan2 belia, maktab2 dan sekolah2 menengah di-Bandar Brunei ada-lah di-jemput untuk menyertai peraduan itu.

Hadiah2 yang berupa wang tunai sa-banyak \$100.00, \$75.00, dan \$50.00 akan diberikan kepada pemenang pertama, kedua dan ketiga.

Borang2 permohonan menyertai peraduan itu boleh didapati daripada Awang Juned bin Haji Ramlee dan Dayang Noridah binte Mohamad, di-Kampung Burong Pingai Berakas.

Sa-buah derama yang berjudul 'Orang Kaya Di-Gadong Seri-Nara' juga akan dipersembahkan pada malam itu.

Tiket2 masok yang berharga \$1.50 dan \$1.00 akan dijual kepada orang ramai sa-minggu sa-belum pertunjukan itu di-adakan.

Pendaftaran kanak2 ka-sekolah di-tutup

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran kanak2 yang dilahirkan sa-belum 1 Julai tahun 1964 untuk masok ka-sekolah2 Melayu di-negeri ini bagi tahun 1970, telah di-tutup pada 31 Mei lepas.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, kanak2 yang di-daftarkan itu akan dimasukkan ka-sekolah sa-lepas minggu pembukaan penggal pertama tahun depan.

Tahun ini lebih dari 2,400 orang kanak2 telah di-masokkan belajar di-sekolah2 rendah Melayu dan jumlah itu menjadikan 17,000 orang murid2 sekarang belajar di-sekolah2 rendah Melayu. Sementara lebih dari 3,400 orang murid belajar di-sekolah2 menengah Melayu di-negeri ini.

Tahun ini lebih dari 2,400 orang kanak2 telah di-masokkan belajar di-sekolah2 rendah Melayu dan jumlah itu menjadikan 17,000 orang murid2 sekarang belajar di-sekolah2 rendah Melayu. Sementara lebih dari 3,400 orang murid belajar di-sekolah2 menengah Melayu di-negeri ini.



BANDAR BRUNEI. — Empat orang Filipina yang telah di-selamatkan oleh sa-buah kapal barang dalam bulan Mach lepas telah kembali ka-Manila pada minggu lepas sa-telah berada di-sini sa-lama dua bulan.

Ke-empat2 orang itu telah di-jumpai terapong2 dalam sa-buah sampan kecil di-Selatan Laut China oleh kapal "Brunei Number One" pada 28 Mach lepas.

Sa-masa berada di-sini mereka telah tinggal di-Brunei Hotel. Segala perbelanjaan sa-masa mereka tinggal di-Brunei telah di-tanggung oleh kerajaan sementara makan dan pakaian mereka telah di-uruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Di-antara yang turut mengucapkan selamat belayar kepada orang2 Filipina itu termasuklah Setia Usaha Pertama kepada Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang E.W. Bird, Awang Abidin bin Abdul Rashid, dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan wakil Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Md. Yassin bin Said.

Dua orang berlateh di-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Dua orang anggota Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk menjalani kursus singkat mengenai semua latehan menggunakan senjata, di-Guards Depot Pirbright, Surrey.

Mereka ia-lah Pegawai Warrant Kelas Dua Pengiran Jeluddin bin Pengiran Mustapha dan Pegawai Warrant Kelas Dua Awang Kamis bin Tuba.

Kursus yang bermula pada 2 Jun itu akan berakhir pada 10 Julai hadapan.

BULAN ini kita semua tahu dan maklum bahawa ada-lah bulan yang bersejarah, kerana pada-nya di-lahirkan junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. ia itu pada 12 Rabi'ul Awal yang mana sedang kita rayakan dengan sa-chara besar2an sa-bagaimana juga umat Islam di-negeri2 lain di-se-luruh dunia ini.

Mengambil sempena bulan yang mulia ini dan di-tengah2 semangat yang berkobar dalam memperingati jasa2 dan ajaran2 baginda, kita umat Islam ada-lah juga berkewajipan menjalankan kejian terhadap perjuangan baginda Rasulullah s.a.w., bukan sahaja dalam soal2 ugama malahan dalam segala segi, kerana tidak-lah ada sa-lain daripada baginda tempat mengambil tauladan atau ikutan yang lebih baik dan selamat, sa-bagaimana firman Allah dalam kitab suci Al-Koran Al-Karim: **الله اسوة**

حسنة لقد كان لكم في رسول
yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya-nya Rasulullah itu menjadi ikutan yang baik kepada kamu."

Satu daripada perkara yang patut kita semua ikut ia-lah dalam pergaulan dan akhlak. Dalam khutbah yang lalu tuan2 telah di-ingatkan supaya memahami kedudukan kaseh sayang kepada Nabi dan juga iman yang subur itu hendak-lah di-sertai dengan amalan yang sungguh2 dan sempurna.

Tidak-lah siapa2 dapat menafikan bahawa perpaduan umat Islam yang sentiasa dijaga dan di-pupok itu ada-lah sangat kukuh dalam menegakkan ugama dan mendirikan ibadat2, tetapi selalu digoda dan di-uji dengan di-pecah belahkan oleh perasaan tamak dan di-ranggangkan oleh hasat dengki serta dilemahkan oleh niat2 jahat dan dendam apa lagi jika hasutan burok dapat memperdayakan jiwa dan hati2 yang lemah yang akan menyebabkan kita menderita dan purak puranda.

Sa-bagai membuktikan dasar ugama Islam yang kukuh itu telah di-bandingkan oleh Nabi bahawa orang Mo'min

SIFAT2 NABI MOHAMMAD s.a.w. DAN AJARAN2 YANG MESTI DI-AMALKAN

KHUTBAH JUMA'AT

Bila berlaku satu perselisihan
segera-lah berdamai.

Maki hamun di-terima dgn.
tenang dan sabar — itu-lah
tanda orang yang sabar
dan benar serta jujur

itu sa-baagi satu benaan yang kukuh dan tegoh tidak mudah di-ruboh atau di-gunchang oleh ribut yang deras.

Ketegohan dan kekuatan seperti itu boleh di-buktikan di-dalam masharakat yang telah mengamalkan-nya, tetapi jika kita berpecah belah di-antara satu sama lain tidak pechaya memperchayai, shak wasangka yang bukan2, tidak boleh bertolak ansor dan tidak bersabar ketika mendapat satu perkara yang kurang menyenangkan, maka perangai seperti itu akhir-nya akan mendapat kerugian dan kegagalan sahaja dan boleh meruntuhkan meruah diri dan ugama sa-bagaimana firman Tohan dalam kitab suci Al-Koran Al-Karim:

واطيعوا الله واطيعوا
تفشلوا وتذهب
ان الله مع الصبرين

Oleh itu hendak-lah kita sentiasa berbuat baik dan sa-kalipun kepada orang yang telah melakukakan kejahatan kepada kita sa-bagaimana telah di-nyatakan oleh Nabi s.a.w. dengan sabdanya yang bermaksud hubongilah mereka yang telah memutuskan perhubungan dengan engkau, dan berbuat baik-lah kepada mereka yang berbuat



jahat kepada engkau, dan berkata benar-lah sa-kalipun terkena ka-atas diri kamu sendiri.

Kesimpulan-nya, Islam ialah ugama persaudaraan, perdamaian dan kaseh sayang di-antara satu sama lain. Bila berlaku satu perselisihan segera-lah berdamai dan juga orang berbuat jahat kepada kita jangan-lah lekas mengambil tindakan sa-belum ternyata tindakan itu memberi bekas dan hendak-lah sentiasa berbudi baik sa-kalipun kepada orang yang menyakiti kita.

Maki hamun di-terima dengan tenang dan sabar, itu-lah tanda orang yang sabar dan benar serta jujur. Kerana bila kita berbuat demikian lambat laun orang yang membenci kita itu akan tunduk dan malu kepada kita.

Sifat2 yang tersebut itu ada-lah sifat2 Nabi dan ajaran yang mesti kita ikuti dan amalkan. Dengan itu kita umat Islam akan selamat di-dunia dan di-akhirat nanti.

444 ORANG INGIN MENUNAIKAN FARDHU HAJI

BANDAR BRUNEI — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwat Ugama setakat ini telah mendaftarkan 444 orang yang ingin menunaikan fardhu Haji di-Mekah tahun hadapan.

Sa-ramai 293 daripada-nya memohon untuk pergi dengan kapal laut sementara 151 yang lain-nya dengan kapal terbang.

Dari jumlah itu 399 orang

dari Daerah Brunei-Muara; 3 dari Tutong; 18 dari Belait dan 24 dari Daerah Temburong.

Pendaftaran bagi mereka yang berniat hendak ka-Mekah tahun hadapan akan dibuka hingga 30 Jun ini. Ini boleh di-lakukan di-pejabat2 ugama di-Bandar Brunei, Tutong, Belait dan Temburong.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4 Jun, 1969 hingga ka-hari Selasa 10 Jun, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Terbit
4 Jun		12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52 6-06
5 Jun		12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52 6-06
6 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06
7 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06
8 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06
9 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06
10 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

4 Jun. 1969.

PERARAKAN MAULUD NABI

DUA minggu lalu kita telah menimbulkan tentang perubahan yang berlaku dalam sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. dan di-buboh tanda soal yang berbunyi "apakah dengan perarakan tanpa peraduan itu akan menurunkan nilai kemeriahan sambutan tersebut".

Telah juga di-timbulkan tentang bilangan Umat Islam yang mengambil bahagian dalam perarakan itu sama ada ber-lebih atau berkurang dari sambutan tahun lepas yang ketika itu masih lagi di-adakan peraduan dengan hadiah2 rebutan yang chomel2 dan berharga mahal.

Kita kira soalan2 yang di-hadapkan itu telah pun terjawab berikutan dengan suasana yang meriah dalam sambutan perarakan yang berlangsung pada 29 Mei lepas.

Ada-lah ternyata bahawa sambutan tahun ini (tanpa peraduan) ada-lah lebih meriah lagi bukan hanya bilangan pasokan2 yang mengambil bahagian lebih banyak, tetapi juga peserta-nya telah meningkat mendekati kepada 10,000 orang.

Pasokan Maktab S.O.A.S. yang sering kali mendapat kejayaan yang gemilang ketika di-adakan peraduan dulu telah mengeluarkan 1,000 orang penuntut-nya dan begitu juga S.M.M.P. telah mengeluarkan bilangan yang hampir2 sama untuk menyertai perarakan itu.

Bagitu juga jabatan2 kerajaan yang belum pernah mengambil bahagian seperti pasokan dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah turut serta dan peserta2 perempuan juga semakin bertambah baik yang terdiri dari penuntut2, pelajar2 kelas dewasa dan juga kakitangan2 jabatan. Bagitu juga pasokan2 dari persatuan2 belia.

Selesai saja perarakan, kesempatan yang gemilang telah di-terima oleh tiap2 pasokan yang mengambil bahagian apabila Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan penuh kesudian telah berchemar duli untuk menemui mereka sambil berjabat salam dengan ketua2 pasokan. Ini adalah merupakan pernyataan rasa terharu Baginda melihat kepada semangat yang di-tunjukkan oleh Umat Islam di-negeri ini terhadap perjuangan meninggikan sye'ar Ugama Islam dan menjunjung ajaran2 Nabi Besar Mohammad s.a.w.

Baginda berharap supaya perarakan itu tidak-lah tinggal perarakan sahaja bahkan akan dapat pula menimbulkan kesedaran di-segi kemajuan beragama dan membina kemajuan negeri berdasarkan kepada hukum2 Allah di-samping menguasai kesedaran yang sehat dan amanah.

Apa yang harus di-usahakan dari penat lelah itu, maka biarlah ia-nya dapat berkembang dan dapat pula di-buat petunjuk pada mengukuhkan dan meninggikan lagi nilai kesucian Ugama yang di-redhai Allah.



D.Y.M.M. menyampaikan sijil dan risalah kenangan sambutan Maulud kepada salah sa-orang ketua pasokan perempuan.



D.Y.M.M. kelihatan berjabat salam dengan ketua pasokan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.



D.Y.M.M. ketika melawat ka-pasokan Persatuan Ikatan Setia Pahlawan. Di-kanan Baginda ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika melafadzkan titah ucapan bagi mengulaskan sambutan yang meriah itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2 dengan di-iringi oleh Ahli2 Jawatankuasa Sambutan Maulud ketika menepalai perarakan.

Pasokan Maktab Perguruan Brunei yang turut mengambil bahagian dalam perarakan itu yang jumlah mereka sa-ramai 330 orang lelaki dan perempuan.



D.Y.M.M. kelihatan berjabat salam dengan salah sa-orang ketua pasokan bahagian sekolah2 yang mengambil bahagian dalam perarakan itu. Di-kanan sekali ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin.

D.Y.M.M. sedang menyampaikan sijil dan risalah kenangan sambutan Maulud kepada ketua pasokan Pergerakan Belia Bersatu, Pg. Damit bin Pg. Abu Bakar.



Pasokan penuntut2 perempuan Sekolah Menengah Melayu Pertama ketika melalui lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin.



Peserta2 dari pasokan kampung dan persatuan belia sa-belum perarakan di-mulakan.



Pasokan Jabatan Setia Usaha Kerajaan yang di-ketuni oleh Awang Abidin bin Abdul Rashid.



Pasokan perarakan dari Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit dengan membawa sepandok menjunjung kebesaran Nabi.

Peladang2 sentiasa di-galakan berchuchok tanam—Pg. Hj. Damit

SINAUT. — Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Haji Damit bin Pengiran Sunggoh berkata, kerajaan sentiasa menggalakkan kaum peladang di-negeri ini, untuk mengusahakan segala jenis pertanian yang membawakan kapada kemakmoran Brunei dan mengeluarkan bahan makan-nya sendiri.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan pembukaan jalan kecil di-Batu-20 Kampong Sinaut pada minggu lepas.

Kata-nya tujuan kerajaan membena jalan2 kecil, ia-lah untuk meninggikan lagi taraf hidup penduduk2 di-luar bandar, sa-lain dari memesatkan lagi kemudahan2 perhubungan-nya.

Peladang2 di-Kampong itu juga di-seru supaya menanamkan lagi usaha mereka di-bidang pertanian sesuai dengan chita2 kerajaan untuk menjadikan negeri ini makmor.

Turut berucap di-upacara itu ia-lah Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammed Salleh.

Sa-lepas itu Penolong Menteri Pertanian itu kemudiannya di-bawa melawat jalan baru itu.

Penduduk2 di-kampong itu juga mengadakan majlis Makan Tahun sempena upacara pembukaan jalan kecil itu

Kekalkan ta'at setia kapada

D.Y.M.M.—Ag. Salleh

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah menyeru penduduk2 kampong Setia, di-Kampong Ayer supaya mengekalkan ta'at setia mereka yang tidak berbelah bagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta Kerajaan Baginda sesuai dengan nama Kampong itu.

Pesuruhjaya Kebajikan Ma-sharakat itu berkata demikian ketika beliau merasmikan Ma-shuarat Agong kali ke-dua Persatuan Angkatan Kampong Setia, di-Kampong Ayer pada minggu lalu.

Awang Salleh juga memuji2 atas usaha persatuan itu dalam menjalankan kegiatan2 mereka.

Di-antara yang turut memberikan ucapan di-majlis itu, termasuk-lah Yang Di-Pertua Majlis Belia-Belia Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohamad Zain bin Haji Serudin dan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohamad Jamil Al-Sufri.

2,645 orang masok pereksa S.R.P. tahun ini

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 2,645 orang chalu akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dalam bulan Oktober tahun ini.

Pada tahun lalu sa-ramai 2,434 orang chalu telah mengambil peperiksaan tersebut.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, sa-ramai 340 orang ada-lah chalu persendirian yang mana 175 orang di-antara-nya akan mengambil satu mata pelajaran dalam aliran Melayu.

Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Bandar Brunei yang mengemukakan sa-ramai 391 orang chalu ada-lah merupakan bilangan chalu yang terbesar sekali bagi Peperiksaan Sijil Melayu.

Pada tahun lalu sekolah tersebut mengemukakan sa-ramai 441 orang chalu juga merupakan chalu terbesar bagi peperiksaan yang sama.

Maktab Sultan Omar Saifuddin, Bandar Brunei mengemukakan sa-ramai 276 orang chalu merupakan chalu terbanyak bagi Peperiksaan Inggeris.

Sa-ramai 432 orang chalu dari tujuh buah sekolah misi di-negeri ini juga akan mengambil peperiksaan tersebut.

Chalu2 itu akan mengambil peperiksaan tersebut di-sembilan belas buah pusat — sa-puluh di-Bandar Brunei, lima di-Seria, dua di-Kuala Belait, satu di-Tutong dan satu di-Temburong.

12 pasokan sertai perlawanan bola sepak anjoran PESAKA

TUTONG. — Sa-banyak dua belas pasokan mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak Daerah Tutong tahun ini.

Perlawanan itu di-anjarkan oleh Persatuan Melayu Keriam, Tutong untuk meraikan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.



Awang Tahir bin Tujoh (gambar atas) yang telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk mendapat rawatan penyakit buah pinggang.

Segala perbelanjaan perubatan termasuk tambang kapal terbang di-tanggung oleh kerajaan.

Peladang2 Luagan Dudok akan membeli jentera pengisar

TUTONG. — Persatuan Peladang Luagan Dudok, berchadang hendak membeli jentera pengisar padi, bagi kegunaan anggota2 yang mendapat hasil padi yang banyak tahun ini.

Yang Di-Pertua persatuan itu, Awang Ali bin Haji Mokti ketika menyatakan perkara ini pada minggu lalu berkata, tapak yang sesuai bagi menempatkan jentera itu sedang di-uruskan.

Awang Ali berkata, jentera itu bukan sahaja akan di-gunakan oleh anggota2 persatuan itu, tetapi juga kapada lain2 peladang di-kawasan2 yang berhampiran.

Beliau menerangkan, bahawa jentera itu, akan menjimatkan wang dan masa, kerana ia-nya akan di-tempatkan di-sebuah tempat yang tidak jauh dari kawasan2 itu.

Sementara itu, persatuan itu mempunyai beberapa ribu gantang padi jenis Mahsuri, dan Melinja untuk di-jaul.

Awang Ali berkata, sa-lain dari menanam padi, anggota2 persatuan peladang Luagan Dudok juga menternak sapi dan kambing.

Pada masa ini persatuan itu mempunyai kira2 500 ekor kerbau, 50 ekor sapi dan 30 ekor kambing.

Perlawanan bola sepak untuk merebut Piala Awang Ahmad

KUALA BELAIT. — Persatuan Bola Sepak Daerah Belait, sa-takat ini telah menerima permohonan dari sembilan buah pasokan di-Daerah Belait, untuk menyertai perlawanan bola sepak untuk merebut piala Awang Ahmad bin Rendah.

Pasokan Gurkha yang ditempatkan di-Seria, telah menjadi johan dalam perlawanan itu pada tahun lalu.

Sa-orang juruchakap bagi persatuan itu berkata, perlawanan yang di-jalankan sa-chara kalah mati itu akan di-adakan di-padang KBRC Kuala Belait bulan ini. Sementara pertandingan perengkat akhir, akan di-adakan dalam bulan Julai ia-itu sa-bahagian dari achara kerana menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Daerah Belait.

Persatuan2 belia; sekolah2 dan maktab di-daerah Belait yang belum mengirimkan borang permohonan untuk memasuki perlawanan itu, hendaklah mengirimkan-nya dengan sa-beberapa segera.

Borang2-nya hendaklah di-alamatkan kapada Abang Morshidi bin Abang Haji Suhaili, di-Pejabat Daerah Kuala Belait.

Jalani latihan perangkaan di-Culcutta

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai kerajaan telah berlepas ka-Culcutta pada minggu lalu untuk menjalani satu latihan di-Institute Latihan Perangkaan Antara Bangsa UNESCO atas biasiswa kerajaan.

Mereka ia-lah Awang Alias bin Tamit dan Awang Embran bin Othman, kedua-nya penolong Perangkaan Bahagian Ekonomik dan Perangkaan di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Tujuan kerajaan menghantar dua orang pegawai itu ia-lah salah satu langkah untuk mengatasi kekurangan kakitangan2 yang terlateh bagi perkembangan2 dalam negeri ini terutama-nya dalam segi perangkaan.

Mereka di-jadualkan mengikuti kursus tersebut sa-lama sembilan bulan.

4,853 orang dewasa menuntut di-kelas2 dewasa tahun lalu

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran telah menghatekan sa-ramai 4,853 orang telah menuntut dalam jurusan Melayu tahun lepas.

Sa-ramai 2,552 orang di-antara-nya ada-lah orang2 perempuan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, jumlah penuntut2 yang mempelajari mata2 pelajaran permulaan ia-lah 2,277 orang dan 1,346 orang di-antara-nya ada-lah perempuan.

Juruchakap itu berkata, bahasa2 Jepun dan China juga di-ajarkan dalam tahun lepas.

Sa-ratus empat puluh sembilan orang penuntut telah mempelajari bahasa China dan enam puluh empat orang bahasa Jepun.

Bahagian Pelajaran Dewasa juga mengadakan kelas2 bahasa Inggeris, sains, urusan rumah tangga, lukisan dan mata2 pelajaran perniagaan.

Peraduan membacha Al-Koran dan Sharahan

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 ugama daerah Brunei Muara akan mengadakan peraduan membacha koran dan sharahan perengkat bahagian dan daerah, bertempat di-Madrasah Bandar Brunei pada 13 Julai.

Daerah Brunei/Muara terbahagi kepada tiga bahagian ia-itu Bahagian Brunei Satu; Brunei Dua dan Bahagian Brunei Tiga.

Sa-banyak 41 buah sekolah ugama di-jadualkan mengambil bahagian dalam peraduan itu.

MENARA, PANCHUTAN AYER AKAN DI-BENA DI-PEKAN SERIA

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata, sa-buah menara jam dan panchutan ayer akan di-bena di-satu tempat yang sesuai di-Pekan Seria.

Menara jam yang di-chadangkan di-bena di-Seria itu ada-lah sama seperti yang di-bena di-Kuala Belait.

Beliau berkata, menara jam di-Kuala Belait telah di-bena dengan harga \$33,300 dari wang derma daripada semua penduduk di-Kuala Belait untuk memperingati istiadat berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei

Dua pasokan baru di-tubuhkan

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pengakap Daerah Brunei, dalam mashuarat jawatankuasa-nya di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri baru2 ini, telah meluluskan penubuhan dua pasokan baru pengakap di-daerah Brunei.

Pasokan2 itu, ia-lah Pasokan Pengakap Terbuka Kampong Sultan Lama, dan Pasokan Pengakap Sekolah Arab Hassanah Bolkiah.

Penolong Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Awang Shahbuddin bin Salleh yang juga hadir dalam mashuarat itu, telah memuji penganjor pasokan2 baru itu, terutama-nya kapada Pasokan Sekolah Arab, kerana ia-nya merupakan kali pertama penubuhan pasokan sekolah itu di-Brunei.

Persatuan Pengakap Daerah Brunei, akan mengadakan mashuarat jawatankuasa, yang akan datang pada 19 Jun, kerana membincangkan, antara lain mengenai Minggu Kerja Pengakap tahun ini,

pada 1 Ogos tahun lepas.

Pengiran Dato Paduka Momin menambakkata bahawa jumlah kutipan derma dari penduduk2 Daerah Belait tahun lepas bagi istiadat berpuspa itu ada-lah sa-banyak \$85,635.00.

Sa-banyak \$71,800 telah dibelanjakan bagi perayaan istiadat berpuspa itu termasuk perbelanjaan membena menara jam di-Kuala Belait itu.

Baki sa-banyak \$13,835 akan di-gunakan untuk tujuan yang tertentu di-daerah itu.

DBP akan menganjorkan peraduan mengarang buku2 bacaan

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohamad Jamil Al-Sufri, telah menyeru kepada semua penulis2 tempatan, supaya berusaha lebih giat lagi, untuk meninggikan mutu penulisan mereka di-bidang sastera.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Dr. Haji Awang Mohamad Jamil berkata demikian, di-majlis penutup kelas bimbingan sastera anjoran Persatuan Asterawani di-Dewan Raya Bandar Brunei malam Jumaat lepas.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu berkata, Pejabat-nya berchadang, akan menganjorkan peraduan mengarang buku bacaan, untuk murid2 sekolah dari darjah satu hingga ka-darjah enam. Peraduan itu akan terbuka kepada semua penulis2 tempatan.

Turut memberi ucapan di-majlis itu, ia-lah Ketua Kelas Bimbingan sastera, Awang

Ahli Persatuan Perkumpulan Perempuan lawat padang minyak

SERIA. — Sa-ramai 20 orang ahli Persatuan Perkumpulan Perempuan chawangan Pintu Malim di-ketuai oleh Dayang Nikmah binte Haji Tengah, telah melawat ka-padang minyak di-Seria pada minggu lalu.

Rombongan itu di-bawa melawat2 oleh pegawai2 sharikat minyak Shell ka-beberapa tempat, termasuk kilang gas.

Yahya bin Haji Ibrahim dan Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yakop bin Ahmad.

Sijil2 dan hadiah2 telah disampaikan oleh Datin Dayang Hajjah Siti Hara, Isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Dr. Haji Awang Mohamad Jamil Al-Sufri.

Sukan tahunan Sekolah2 China

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 China di-negeri ini telah mengadakan sukan bersama mereka bagi kali keduanya di-padang SMJA di-Bandar Brunei pada minggu lalu.

Sa-ramai 338 orang peserta dari lapan buah sekolah China telah mengambil bahagian dalam sukan itu.

Pengarah Pelajaran, Dato Malcolm MacInnes telah merasmikan sukan itu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking.

SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim



SABDA D.Y.T.M. PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN

(Dari Muka 1)

Dalam majlis itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, selaku Kolonel-in-Chief telah melafadzkan sabda ucapan yang seperti berikut:

Alhamdulillah, Ini ada-lah pertama kali-nya beta sa-bagai Kolonel-in-Chief hadir bersama2 di-majlis jamuan yang indah dengan keseluruhan anggota pasokan ini. Ini ada-lah satu penghormatan yang tinggi mutu-nya yang Awang2 berikan kepada Kolonel-in-Chief Awang2 yang mana beta mengucapkan berbilang2 terima kasih. Beta merasa sukachita dapat bertemu dan berpidang wajah dengan keseluruhan anggota pasokan ini.

Beta mengikuti pasokan ini menjadi besar dan hidup laila subur kerana daripada satu pasokan kadar sa-ramai 40 orang menjadi kepada pasokan yang kuat dan laila tidak sa-banding dengan hampir kepada 1,000 orang angkatan di-dalam masa 8 tahun yang singkat itu. Ini ada-lah kejayaan yang boleh di-puji dan yang mana Awang2 boleh bermegah terhadap-nya.

Di-dalam majlis ini sa-bagaimana yang beta sebutkan tadi pada mendahului shukur dan mengucapkan terima kasih beta pada Awang2 sekalian dan dapat bertemu dan berpidang wajah dengan seluruh anggota pasokan ini pada merayakan hari ulang tahun yang ke-8.

Perbarisan pada pagi tadi adalah baik sejak dan chergas, angkatan laut pertama telah menunjukkan kehendalan-nya laila chekap pada melayarkan bahtera-nya dengan laju-nya. Dari segi pasokan udara juga tidak-lah kurang baik-nya bagi menunjukkan kehendalan-nya pada menerbangkan kapal2 udara-nya di-udara dengan cukup menarek hati.

Beta merasa megah menjadi Kolonel-in-Chief Awang2 dan memberikan ucapan tahniah yang tinggi. Beta telah melawat pasokan ini di-dalam berlatch beberapa kali di-masa 3 bulan yang lalu dan beta sangat2 berpuas hati dengan apa yang beta lihat.

Pegawai Pemerintah Awang2 memberi makloman yang penuh kepada beta apa2 sahaja yang berlaku di-dalam pasokan ini. Ini tidak sangsi lagi beliau berpuas hati dengan kemajuan yang di-sepanjang lathen yang di-perolehi oleh pasokan ini. Beta percaya beliau akan memberi tahu beta jika-lah beliau tidak berpuas hati. Pasokan ini masih lagi muda dan kepada perajurit2 mesti-lah sentiasa laila redha untuk mempelajari perkara2 yang baru dan mengulang kaji dan meninggikan mutu kebolehan yang telah Awang2 pelajari.

Beta tahu Kolonel Simpson sudah berchadag membuat lathen dengan perkakas2 baharu yang mana akan membena pasokan ini kepada yang baik dan terus baik

— walau bagaimana baik-nya sekali pun itu boleh lagi sentiasa diperbaiki.

Beta sukachita mengingatkan, negeri kita Brunei ada-lah kecil tetapi kaya, di-sini, di-Brunei kita hidup di-dalam dunia yang tidak tetap yang mana keadaan yang akan boleh bertukar dengan serta merta. Awang2 ada-lah bertanggung jawab yang amat besar — Awang2 ada-lah di-medan hadapan untuk mempertahankan negeri kita yang laila dan kecil molek yang di-chintai ini mesti-lah bersiap sedia pada sa-tiap masa dan jangnan sekali mengurangkan laila kewaspadaan Awang2, di-atas Awang2 dan Pulis Di-Raja Brunei telah terletak-nya keselamatan Negeri Brunei. Simpankan keperchayaan Awang2 kehadrat Allah subahan-nahu-wataala berikut taat setia Awang2 yang tidak berbelah bahagi kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei kepada pegawai2 pemerintah dan kepada pegawai2 Awang2 dan negara Awang2, ia-itu Negeri Brunei Darusalam.

Beta sa-bagai Kolonel-in-Chief bersama2 dengan Pegawai Pemerintah juga dengan laila Pegawai2 Awang2 Insha Allah dengan izin Allah Subahan-nahu-wataala tetap bersama2 dengan Awang2 sekalian pada menegah jika meletus satu2 perkara yang membahayakan yang akan menchemarkan keselamatan Negeri Brunei Darusalam, yang akan menchederakan nyawa orang2 yang baik, yang akan mengachau bilaukan Negeri Brunei dan yang akan menchemarkan nama baik negeri kita Brunei yang di-kasehi dan di-sebut2 Darussalam ya'ani negeri yang aman bahagia dan sejahtera.

Negeri kita Brunei pada beta bukan-lah kesaorangan di-atas nama beta Paduka Seri Begawan Sir Muda Omar Ali Saifuddin sa-bagai Penasihat Duli Yang Di-Pertuan dengan izin Allah subahan-nahu-wataala beta tetap menasihatkan pada mengeratkan persahabatan Negeri Brunei dengan Kerajaan United Kingdom kerana jasa dan kejujuran-nya.

Awang2 telah mempunyai adat resam yang laila bahagia semuga resam ini hidup laila berpanjangan dan laila subur dan pada mengakhiri ucapan saya ini, hidupkanlah panchir keturunan yang mulia dan perkasa dan jiwakanlah panchir laila purih keturunan yang baik pada mempertahankan keselamatan Negeri Brunei, pada mempertahankan nama baik Negeri Brunei, pada mempertahankan keamanan, ketenteraman, keselamatan Negeri Brunei, pada menganut sifat kemanusiaan sentiasa ingatkan jasa, mengenang budi daripada sahabat kita yang berjasa yang telah berkesan taboran-nya budi sa-hingga dapat di-pandang maseh di-dalam penglihatan mata.

Terima kasih.

Istiadat mengurniakan gelaran Pehin Datu Derma Setia



Gambar atas menunjukkan ketika istiadat mengurniakan gelaran itu sedang di-jalankan.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran Pehin kepada Dato Seri Laila Jasa P.A. Coates, sarorang Pengarah Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dalam satu istiadat yang telah di-adakan di-Lapau pada hari Rabu lepas.

Dato Seri Laila Jasa P.A. Coates sekarang di-kenali sa-bagai Yang Di-Muliakan Pehin Datu Derma Setia.

Antara yang hadir di-istiadat tersebut termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Tuan

Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2 serta pegawai2 kanan kerajaan.

Yang Di-Muliakan Pehin Datu Derma Setia Coates pernah berkhidmat sa-bagai Penolong Residen di-Kuala Belait dalam tahun 1954.

Beliau mula berkhidmat dengan Sharikat Minyak Shell dalam tahun 1959 dan sekarang menjadi salah sa-orang Pengarah Sharikat itu dan wakil di-Bandar Brunei dan juga wakil Sharikat Pemasaran Shell Borneo Berhad.

Titah D.Y.M.M. di-perayaan Maulud Nabi

(DARI MUKA 1)

untuk menandakan kaseh dan sa-yang kita kepada-nya Nabi Mohammad s.a.w. yang menghuraikan firman Allah yang di-terima-nya serta hadith2 junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. yang sentiasa menyuruh dan menggalakkan kita umat Islam semua beramal yang saleh beribadat dan berusaha karah amal yang berkebajikan yang di-redhai Allah subahanahu-wataala.

Beta mendapat tahu bahawa perayaan dan sambutan yang di-adakan pada hari ini ada-lah di-buat dengan sa-chara suakrela tidak seperti tahun2 yang lepas. Perkaranya ini ada-lah sangat mustahak dan baik bagi menubuhkan perasaan yang ikhlas dan jujur hasil dari niat yang suci murni dengan tidak mengharap balasan2 mabenda hanya mudahan akan menjadi bekalan atau bawaan tangan ka-akhirat.

Sambutan seperti ini mudah2an akan terus berjalan dari masa kasemasa yang mana akan dapat menunjukkan perasaan berkemajuan dalam ugama dan dengan tujuan yang munafa'at bagi negeri dan ugama kita yang kita kasehi dan demikian juga mudahan Allah subahanahu-wataala akan menjauhkan negeri kita Brunei ini dari mendapat mala petaka, merbahaya dan bala binchana serta terselamat dari ancaman yang membahayakan dari kekejaman yang di-kutok

oleh Allah subahanahu-wataala.

Beta berseru kepada sekalian laila muslimin baik di-perengkat tua, beliau2 dan kanak2 sekolah di-negeri kita Brunei Darusalam ini supaya mereka sama2 menghormati dan mengasehi she'ar2 ugama kerana menghormati dan membesarkan she'ar2 ugama itu ada-lah daripada hati yang takwa kepada Allah subahanahu-wataala, di-samping itu beta menguchapkan tahniah serta mendahulukan shukur ka-hadrat Allah subahanahu-wataala.

Beta merasa bergembira kepada laila peserta2 yang telah berpenat lelah, berbatu2 panjang-nya berkar bagi meraiikan hari ulang tahun keputeraan Nabi kita Mohammad s.a.w. kerana untuk melahirkan perasaan hormat dan kaseh sayang itu tapi Beta ingin memberi ingat kepada laila muslimin sekalian jangan-lah perarakan tinggal perarakan sahaja bahkan sa-patut-nya dari perarakan dan sambutan ini akan timbul kesedaran laila kemajuan kepada ugama pada membena kemajuan negeri berdasarkan hukum Allah subahanahu-wataala dan kesedaran yang sehat dan amanah.

Akhir-nya Beta sekali lagi mengucapkan terima kasih dan shukur dapat bersama2 dengan Awang2 dan Dayang2 dalam perayaan yang besar ini. Sekian, assalamu-walaikum - warahmatullah - hi - wabar katuh.

Dua orang pegawai kerajaan hadhiri Persidangan Perangkaan

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai kerajaan telah berlepas ka-Bangkok pada minggu lalu untuk menghadiri Persidangan Juru2 Perangkaan Asia di-ibu negara Thai itu. Mereka ia-lah Dayang Jus-

nani binte Lawi dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Awang Selamat bin Munap dari Jabatan Pelajaran.

Kedua2 pegawai itu di-jangka berada di-sana sa-lama kira2 11 hari.